

# ANALISIS LITERATUR SISTEMATIK (SLR) TERHADAP FAKTOR PENENTU PEMBAYARAN ZAKAT PENDAPATAN DALAM KALANGAN INDIVIDU MUSLIM DI NEGERI PAHANG

## SYSTEMATIC LITERATURE ANALYSIS (SLR) ON THE DETERMINING FACTORS OF INCOME ZAKAT PAYMENT AMONG MUSLIM INDIVIDUALS IN STATE OF PAHANG

Mohd Azmi Othman<sup>1</sup>  
Mohd Zawawi Zainal Abdin<sup>2</sup>  
Fahmi Zaidi Abdul Razak<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, (UNIPSAS) KM 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan Pahang Malaysia, hjazmipkz@gmail.com.my

<sup>2</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, (UNIPSAS) KM 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan Pahang Malaysia, zawawi@unipsas.edu.my

<sup>3</sup>Fakulti Pengurusan dan Informatik, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, (UNIPSAS) KM 8, Jalan Gambang 25150 Kuantan Pahang Malaysia, fahmizaiddi@unipsas.edu.my

### Article history

Received date : 6-4-2025  
Revised date : 7-4-2025  
Accepted date : 10-5-2025  
Published date : 29-6-2025

### To cite this document:

Othman, M. A., Zainal Abdin, M. M., & Abdul Razak, F. Z. (2025). Analisis Literatur Sistematik (SLR) terhadap faktor penentu pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan individu muslim di Negeri Pahang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 185 - 193.

**Abstrak:** Kajian kesusasteraan yang luas telah melaporkan faktor-faktor berbeza yang mempengaruhi kepatuhan zakat pendapatan dalam kalangan individu Muslim di Malaysia. Pelbagai usaha dan kempen kesedaran telah dilakukan oleh pihak berkuasa zakat bagi memastikan pematuhan tersebut terus meningkat. Namun begitu, tahap pematuhan dan bilangan pembayar zakat pendapatan masih berada pada tahap yang belum memuaskan. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti, mengkaji dan mensintesis faktor-faktor penentu kepatuhan zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan individu beragama Islam di Negeri Pahang. Kajian ini dijalankan secara SLR dan emperikal terhadap literatur yang berkaitan dengan faktor pembayaran zakat pendapatan terbitan artikel antara tahun 2005 hingga 2021 melalui pangkalan data Google Scholar dan Scopus. Pendekatan SLR ini menggunakan model Meta-analisis (PRISMA). Model PRISMA mencadangkan aliran maklumat dalam empat fasa iaitu pengenalan, saringan, kelayakan dan kemasukan. Kajian ini mendapati bahawa faktor penentu kepada pematuhan zakat pendapatan dipengaruhi oleh 5 tema utama iaitu 1) faktor psikologi, 2) faktor persekitaran, 3) faktor organisasi 4) faktor sosio demografi 5) faktor media. Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan menyatukan kajian lepas berkaitan faktor penentu pematuhan zakat pendapatan dalam kalangan individu Muslim dan menawarkan beberapa implikasi kepada pengamal bagi melaksanakan strategi sewajarnya bagi meningkatkan kutipan zakat pendapatan di Negeri Pahang.

**Kata kunci:** Zakat Pendapatan, Faktor Penentu, Pematuhan, SLR

**Abstract:** An extensive literature review has reported different factors that influence income zakat compliance among Muslim individuals in Malaysia. Various efforts and awareness campaigns have been carried out by the zakat authorities to ensure that compliance continues to increase. However, the level of compliance and the number of income zakat payers is still at an unsatisfactory level. Thus, this study will identify, examine and synthesize the factors determining income zakat compliance among Muslim individual in the State of Pahang. This study was conducted by SLR and empirically on the literature related to the factors of zakat payment income published articles between 2005 and 2021 through Google Scholar and Scopus databases. This SLR approach uses the Meta-analysis model (PRISMA). The PRISMA model suggests the flow of screening, qualification and admission. This study found that the factors for income zakat compliance are influenced by 5 main themes 1) psychological factors, 2) environmental factors, 3) organizational factors, 4) socio-demographic factors, 5) media factors. This study contributes to the literature by bringing together previous studies related to factors determining income zakat compliance among Muslim individuals and offers some implications for practitioners to implement appropriate strategies to increase income zakat collection in the State of Pahang.

**Keywords:** Income Zakat, Determining Factors, Compliance, SLR

## Pengenalan

Zakat adalah rukun Islam ke tiga dan merupakan salah satu ibadah khususiyah terhadap umat Islam seperti Syahadah, Solat, Puasa dan Haji. Umat Islam yang berkelayakan melaksanakan ibadah zakat sebagai tanda atau simbol penyerahan diri kepada Allah S.W.T dalam konteks ibadah harta (*Ibadah Maaliyyah*). Kewajipan membayar zakat disebut secara konsisten dengan kalimah solat sebanyak 82 kali dalam ayat yang berbeza dalam Quran (Abdullah Yusuf Ali, 1994)

Sebagai contoh, Allah SWT berfirman : “Dan dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa sahaja kebaikan yang kamu keluarkan untuk kamu jiwa sebelum kamu, kamu akan dapatinya di sisi Allah; kerana Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan”

(Surah Al Baqarah: 110)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa perintah berkaitan dengan kewajipan mengeluarkan berzakat adalah sama seperti menunaikan solat lima waktu. Dalam Islam zakat yang difardhukan mula diwajibkan pada tahun kedua hijrah terbahagi kepada dua kategori utama iaitu zakat fitrah (*Badaniyyah*) dan zakat harta (*Maaliyyah*). Zakat pendapatan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah zakat *al-Mal Al-Mustafad* yang merujuk kepada tiga jenis harta iaitu zakat dari pendapatan dan upah, zakat kerja bebas profesional dan zakat hari harta *al Mustaghallat* (Mohd Sollehudin Shuib et al., 2020). Kajian berkaitan dengan pematuhan zakat pendapatan telah dijalankan oleh Md Idris Kamil (2009), Zainol Bidin (2009), Fidlizan Muhammad et al., (2016) Hanif Mohamed Nor (2018)

Setakat ini kajian faktor penentu pembayaran zakat di negeri Pahang sukar ditemui kerana tinjauan lampau tertumpu di Selangor, Kuala Lumpur (Eza Ellany Abdul Latiff et al., 2011) dan Kedah (Mohd Nasir Ayub et al., 2022). Sehubungan dengan itu, oleh kerana zakat

pendapatan dilihat mampu memberikan impak yang besar terhadap jumlah kutipan zakat sesebuah negeri disebabkan ramai kalangan umat Islam di Malaysia bekerja dalam sektor kerajaan dan juga swasta (Ahmad & Wahid, 2005a). Justeru, penyelidik memilih untuk membuat kajian secara *SLR* terhadap faktor penentu pembayaran zakat pendapatan individu Muslim di Pahang berdasarkan dapatan kajian lampau secara sistematis.

### Objektif kajian


Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor penentu pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan individu Muslim di Negeri Pahang seperti berikut :

1. Mengenalpasti faktor-faktor pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan individu Muslim
2. Mengkaji faktor-faktor penentu yang paling mempengaruhi individu Muslim membayar zakat pendapatan
3. Mensintesis faktor-faktor penentu pembayaran zakat pendapatan

### Kutipan zakat pendapatan di Negeri Pahang

Di Malaysia zakat pendapatan mula diperkatakan pada akhir tahun 1970an sehingga awal 1990an dan negeri terawal yang mengeluarkan fatwa wajib zakat pendapatan adalah Kedah pada 19 April 1986 (Bidin & Md Idris, 2009). Amalan kutipan zakat pendapatan di negeri Pahang bermula sejak difatwakan pada tahun 2001 serentak dengan fatwa negeri Selangor dan Pulau Pinang. Pengurusan kutipan zakat di Pahang adalah dibawah sebuah agensi milik penuh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) iaitu Pusat Kutipan Zakat Pahang yang ditubuhkan pada 16 September 1995. Tujuan utama PKZ Pahang ditubuhkan adalah untuk mempertingkatkan kutipan zakat harta di negeri Pahang melalui kempen dakwah zakat yang efisien dan sistematis dengan menggunakan kaedah terkini kepada masyarakat Islam di Negeri Pahang. Di samping itu juga PKZ Pahang turut menyediakan saluran pembayaran yang pelbagai, praktikal dan terkini bagi memudahkan orang ramai menuaikan zakat.


Pada tahun pertama PKZ Pahang beroperasi (1996), sebanyak RM5.4juta telah berjaya dikutip iaitu peningkatan sebanyak 168.4 peratus berbanding kutipan tahun 1995 iaitu RM1.9juta. Sejak mula beroperasi, PKZ Pahang telah menggunakan teknologi komputer sepenuhnya bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan dengan efisien dan diyakini. Hasil daripada strategi pemasaran yang agresif dan terancang berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat Islam di Pahang tahun demi tahun. Laporan Pusat Kutipan Zakat Pahang (2021) merekodkan bahawa terdapat kira-kira 80,370 orang umat Islam di negeri Pahang yang menuaikan zakat pendapatan. Peratus bilangan pembayar zakat pendapatan berbanding pembayar zakat harta keseluruhan adalah 84 peratus iaitu 80,370 daripada 95,629 pembayar keseluruhan di Pahang.



Statistik bilangan pembayar zakat pendapatan di Pahang meningkat setiap tahun di antara 1.9 peratus sehingga 5.3 peratus. Graf 3.1, menjelaskan purata peningkatan dalam tempoh 5 tahun adalah pada kadar 2.8 peratus. Lanjutan daripada itu, kajian terhadap faktor-faktor penentu pembayaran zakat perlu dikenalpasti bagi mempertingkatkan lagi bilangan pembayar zakat demi kepentingan sosio ekonomi umat Islam di negeri Pahang.

### **Metodologi kajian**

Kajian ini dijalankan secara *SLR* berkaitan faktor-faktor penentu pembayaran zakat pendapatan berdasarkan kepada penerbitan antara tahun 2005 hingga 2021 yang diterbitkan dalam pengkalan data Google Scholar, Scopus dan kompilasi tesis zakat Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR).




Melalui protokol Prosedur Meta-analisis (PRISMA), kajian ini telah mengenalpasti faktor-faktor penentu pematuhan membayar zakat daripada semua pengkalan data tersebut sebanyak 90 rekod kajian yang ditemui. Peringkat pertama protokol PRISMA adalah dengan mengenal

pasti sebanyak mungkin kajian yang layak, semua sinonim "penentu" seperti "faktor" ATAU "motif" ATAU "motivasi" ATAU "zakat pendapatan" DAN "pematuhan zakat pendapatan" ATAU "niat berzakat" digunakan dalam carian artikel.

Carian literatur dengan menggunakan pengkalan data tersebut menemui 90 artikel yang mempunyai tema zakat pendapatan. Setelah disaring terdapat 15 artikel bertindih dan 52 artikel dikeluarkan. Hasilnya, terdapat 23 artikel berkelayakan untuk dinilai dan hanya 12 artikel terpilih untuk disentesis oleh penyelidik.

Rajah 3.1  
 Tinjauan Literatur Sistematis (SLR)




### Dapatan dan analisis kritikal terhadap SLR

Bil	Kajian/pengarang	Tajuk	Isu/Gaps	Metod	Dapatan kajian
1	Muhammad Ammar Mahmad et al., (2022)	The compliance with the obligation to pay zakat income among Islamic education teachers in Kedah	Zakat pendapatan diwajibkan bagi orang layak menurut Muzakarah Fatwa Kebangsaan 22 Jun 1997	Kuantitatif/141 orang guru	Kajian mendapati tahap kepatuhan membayar zakat pendapatan guru agama berada pada tahap sederhana
2	Khairul Azhar Meerangani et al., (2021)	Faktor penentu pembayaran zakat di Lembaga Zakat Selangor :Kajian di Daerah Petaling	Faktor-faktor seperti hebahan kempen dan promosi, kualiti dan kecekapan perkhidmatan serta pengoptimuman medium ICT dilihat telah menyumbang kepada peningkatan ini.	Kuantitatif /soal selidik 145 orang	Hasil kajian menunjukkan masyarakat Islam khususnya di daerah Petaling secara umumnya mempunyai kesedaran yang baik tentang aktiviti pembayaran zakat.
3	Syadiah Abdul Shukor (2021)	Determinants of Zakat Compliance Among Muslim Individuals: A Systematic Literature Review	Terdapat literatur meluas yang melaporkan faktor berbeza yang mempengaruhi pematuhan zakat	Analisis Literatur Sistematis	Faktor kredibiliti korporat seperti akauntabiliti, ketelusan dan pendedahan oleh institusi zakat
4	Najwa Mohd Khalil et al., (2020)	Compliance Intention to Pay Zakat on Salary: A case from East Malaysia	Pendekatan deduktif untuk mengkaji niat pematuhan pejawat muda awam membayar zakat gaji	Kuantitatif /202 individu	Hasil kajian mendapati sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku ditanggap signifikan

					dengan pematuhan zakat pendapatan
5	Othman dan Nayan (2019)	The Influence Of Perception Towards Promotion And Self-Efficacy On Intention And Compliance Behavior Of Income Zakat in Kedah	Kutipan zakat termasuk zakat pendapatan masih rendah dan menghalang keberkesanan zakat memainkan peranan penting di Kedah	Kuantitatif, 372 guru yang layak membayar zakat	Persepsi terhadap pendedahan promosi dan efikasi kendiri berguna kepada pihak berkuasa untuk merangka strategi pada masa hadapan
6	Yusoff Haji Othman et al., (2018)	The Moderating Effect Of Islamic Religiosity On Compliance Behavior Of Income Zakat In Kedah	Sebilangan guru sekolah awam yang beragama Islam tidak membayar zakat pendapatan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah kerana persepsi mereka boleh membayar zakat di mana-mana jabatan zakat di mana-mana negeri	Kuantitatif, 327 guru	Agama Islam didapati memainkan peranan penting dalam menyederhanakan hubungan di antara kawalan tingkah laku dan niat
7	Noor Hashimah Mohd Shafie & Amizawati Mohd Amir (2018)	Kesan faktor individu dan persekitaran terhadap pematuhan zakat pendapatan	hubungan faktor individu (keagamaan dan sikap) dengan dan hubungan kempen zakat sebagai perantara pematuhan zakat pendapatan	Kuantitatif/soal selidik 452 peneroka felda	Kajian mendapati bahawa faktor individu dan persekitaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan pematuhan zakat pendapatan
8	Sofia Hayati Yusof et al.,(2018)	Keberkesanan Media Mempromosikan Zakat Pendapatan Sebagai Alternatif Kepada Cukai Pendapatan	Masih ramai kakitangan kerajaan beragama Islam yang layak, tidak melunaskan kewajipan zakat pendapatan kerana kurang kesedaran disebabkan kurang pendedahan dan promosi mengenai kefardhuhan zakat pendapatan di media massa	Kuantitatif/ temubual 500 responden yang dipilih melalui kaedah rawak berstruktur	Majoriti responden memperoleh maklumat mengenai kepentingan zakat melalui internet berbanding sumber media lain
9	Norlela Zaman dan Hairunnizam Wahid (2014)	Pewartaan Zakat Pendapatan Dan Trend Kutipan Zakat Pendapatan: Kajian di Malaysia	Mengkaji trend kutipan dan pembayar zakat pendapatan sebelum dan selepas fatwa yang mewajibkan zakat pendapatan dikeluarkan di Malaysia	Analisis Diskriptif	Kajian mendapati trend kutipan dan pembayar zakat pendapatan meningkat selepas fatwa berkaitan kewajipan membayar zakat pendapatan dikeluarkan
10	Zainal Bidin dan Kamil Md Idris (2009)	Sikap, Norma Subjektif dan kawalan gelagat ditanggap terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji	Niat adalah elemen yang terdekat sekali dalam menentukan gelagat seseorang	Kuantitatif /soal selidik 250 individu	Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap dan norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap berhubungan secara positif dan signifikan ke atas niat gelagat kepatuhan zakat gaji
11	Hairunnizam et al., (2007)	Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia	Apakah faktor yang menentukannya dan apakah langkah yang patut diambil berat oleh pihak institusi zakat untuk meningkatkan kesedaran ini.	Kuantitatif /2500 individu seluruh Malaysia secara rawak	Hasil kajian telah mendapati faktor demografi seperti umur, taraf perkahwinan dan pendapatan adalah signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan
12	Sanep Ahmad et al.,(2006)	Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia	Kebocoran bayaran zakat, agihan terus kepada asnaf menjelaskan kutipan zakat	Analisis Diskriptif	Rasa puas hati individu terhadap pengurusan institusi formal faktor terpenting pembayaran zakat kepada institusi

## Kesimpulan



Kajian ini mendapati 5 tema utama yang dikenalpasti merupakan faktor-faktor penentu terhadap pembayaran zakat pendapatan di Pahang kerana pembayar zakat pendapatan terdiri daripada kalangan Muslim yang bekerja di sektor awam dan swasta.

Berdasarkan kepada objektif kajian dan analisis terhadap 12 artikel yang terpilih daripada 23 artikel yang layak, penyelidik merumuskan bahawa faktor penentu yang paling kuat mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan dalam kakitangan beragama Islam adalah faktor psikologi. Tema psikologi yang dimaksudkan adalah psikologi individu seperti seperti keagamaan (Muhammad Ammar Ahmad et al., 2022 dan Yusoff Haji Othman et al., 2018), sikap, moral, etika pengetahuan, kawalan tingkah laku, motivasi, kepercayaan (Najwa Mohd Kalil et al., 2020, Noor Hashimah Mohd Shafie & Amizawati Mohd Amir, 2018), kesedaran (Khairul Azhar Meerangani et al., (2021) dan kepuasan (Sanep Ahmad et al., 2006) amat mempengaruhi watak seseorang untuk melakukan perbuatan yang baik termasuklah membayar zakat.

Faktor penentu seperti persekitaran (Noor Hashimah Mohd Shafie & Amizawati Mohd Amir (2018) , organisasi (Syadiah Abdul Shukor (2021), demografi (Hairunnizam et al., (2007) dan juga peranan media (Sofia Hayati Yusof et al.,(2018) adalah signifikan mempengaruhi pematuhan pembayaran zakat pendapatan.

Justeru itu, daripada kesemua dapatan dan objektif kajian *SLR* ini, penyelidik merumuskan bahawa faktor-faktor penentu terhadap pembayaran zakat individu Muslim di Pahang boleh dikatakan hampir menyamai dengan penemuan penyelidik terdahulu kerana ianya singnifikan dengan 5 tema utama iaitu psikologi, persekitaran, organisasi, demografik dan juga perana media. Oleh yang demikian, kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada pihak berkuasa zakat terutamanya dalam perancangan strategi masing-masing.

## Rujukan

- Abd Wahab, N., Bahar, N. F. M., & Sanusi, N. A. (2005). Faktor penentu pembayaran zakat pendapatan: kajian kes kakitangan UUM (kod S/O: 11291). Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad, S., & Wahid, H. (2013). Pelaksanaan zakat pendapatan di Malaysia: Potensi dan cabaran. In Kursus Pengendalian Harta Zakat, 1–18.
- Al-Qaradawi, Yusof (1987). Hukum zakat. Singapura: Pustaka Nasional.
- al-Zamakhsyari, Mahmud bin ‘Umar (1998) al-Kasasyaf ‘an Haqaiq Ghawamid al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil. Riyad: Maktabah al-‘Ubaykan.
- Ajzen, I. (1987). Attitudes, traits and actions: Disposition prediction of behavior in personality and social psychology. *Advances in Experimental Social Psychology*, 20, 1–57
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980) Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior. Englewood Cliffs, NJ:
- Ajzen, I., Netemeyer, R., & Ryn, M. Van. (1991) The Theory of Planned Behavior. *Organizational {Behavior} and {Human} {Decision} {Processes}*, V, 50(JANUARY 1991), 179–211. [http://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](http://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- An-Nawawi (1994). Shahih Muslim bisyarh An-Nawawi. Kitab Takwa Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah. Beirut (16) 121. As-Solehi, Mohd Yusuf (1993). Subul Al-Huda wa Ar-Rasyad fi Sirat Khair Al-Ibad. Dar Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut. (1) 421.
- Azman Ab Rahman et al., (2010). Kefahaman masyarakat muslim tentang zakat harta dan faktor-faktor yang mendorong mereka menunaikannya: Kajian di Negeri Selangor. International Conference on Da’wah and Islamic Management (IC-DAIM’10) pada 23-24 November 2010 di Palace of Golden Horses Hotel, Seri Kembangan.
- Bidin, Z., & Md Idris, K. (2009). Sikap, Norma Subjektif Dan Kawalan Gelagat Ditanggap Terhadap Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *International Journal of Management Studies*, 16(1), 31– 55. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/3/1/ijms1612.pdf>
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). Belief, Attitude, Intention and Behaviour: An Introduction to Theory and Research.
- Farah Mastura Noor Azman & Zainol Bidin, 2015. Factors Influencing Zakat Compliance Behavior on Saving. *International Journal Of Business and Social Research*, 5, 13-16.
- Fidlizan Muhammad et al., (2016). Kepatuhan pengiraan zakat pendapatan kumpulan profesional di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Sains Humanika, UTM Press.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Mohd Ali Mohd Noor. (2007). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Malaysia. *Islamiyat*, 29, 53–70.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., Mohd Ali, M. N., & Maryam, A. R. (2016). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan Zakat: Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri. In Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (pp. 8–9).
- Haji-Othman, Y., Nazjmi, W., Fisol, M., Sholeh, M., & Yusuff, S. (2018). The moderating effect of islamic religiosity on compliance behavior of income Zakat in Kedah, Malaysia, 8(2), 281–286. <http://doi.org/10.6007/IJARAFMS/v8- i2/4382> Hall.
- Hamid, H. A. (2011). Zakat Pendapatan. In Zakat Terapi Kekayaan (1st ed., pp. 300–301). group buku karangkraf.

- Khairul Azhar Meerangani, Amirah Syakirah Amizi, Mohd Farhan Md Ariffin, Muhammad Ikhlas Rosele (2021) Faktor Penentu Pembayaran Zakat Di Lembaga Zakat Selangor: Kajian Di Daerah Petaling
- Muhamad Amar Mahmad, Mohd Nizho Abdul Rahman, Azman Md Zain (2022) The Compliance with the obligation To Pay Zakat on income Among Islamic Education Teachers In Kedah
- Najwa Mohd Khalil et al., (2020) Compliance Intention to Pay Zakat on Salary: A case from East Malaysia
- Noor Hashimah Mohd Shafie & Amizawati Mohd Amir (2018) Kesan Faktor Individu Dan Persekitaran Terhadap Pematuhan Zakat Pendapatan
- Norlela bt Zaman dan Hairunnizam Wahid (2014) Pewartaan Zakat Pendapatan dan Trend Kutipan Zakat Pendapatan: Kajian di Malaysia
- Othman dan Nayan (2019) The Influence Of Perception Towards Promotion And Self-Efficacy On Intention And Compliance Behavior Of Income Zakat in Kedah
- Raedah Sapingi, Noormala Ahmad & Marziana Mohamad. (2011). A study on zakah of employment income: Factors that influence academics' intention to pay zakah. In 2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER 2011) Proceeding (pp. 2492-2507).
- Ram Al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md. Idris & Md hairi Md Hussain. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan. Jurnal Pengurusan 30, 49-61
- Sanep Ahmad et al.,(2006) Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia
- Sofia Hayati Yusof et al.,(2018) Keberkesanan Media Mempromosikan Zakat Pendapatan Sebagai Alternatif Kepada Cukai Pendapatan
- Syadiah Abdul Shukor (2021). Determinants of Zakat Compliance Among Muslim Individuals: A Systematic Literature Review
- Sapingi, R., Ahmad, N., & Mohamad, M. (2011). A study on zakah of employment income: Factors that influence academics' intention to pay zakah. 2nd International Conference On Business and Economic Research, (April), 2492–2507.
- Weaver, Gary & Agle, Bradley. (2002). Religiosity and ethical behavior in organizations: A symbolic interactionist perspective. *The Academy of Management Review*, 27, 77-97
- Zainal Bidin dan Kamil Md Idris (2009). Sikap, Norma Subjektif dan kawalan gelagat ditanggap terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji
- Zainol Bidin, Mohd Zainudin Othman & Farah M Astura Ninti Noor Azman. (2013). Zakat compliance intention behavior on savings among Universiti Utara Malaysia's Staff. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 145-155